

Hidung gam lebih buruk daripada dadah

BH 6/10/14 A15 10

» Faktor pergaulan krisis kehidupan antara penyumbang ketagihan

Oleh Fairuz Zaidan dan Norakmah Mat Youb
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

T abiat menghidu gam secara berterusan selama tempoh enam bulan saja boleh mengakibatkan individu berdepan risiko penyakit mental, selain beberapa penyakit kronik lain.

Ketua Pakar Ketagihan dan Perunding Psikiatri di Jabatan Perubatan Psikologi di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Prof Dr Mohamad Hussain Habil, berkata perbuatan menghidu gam yang semakin membimbangkan terutama dalam kalangan kanak-kanak dan remaja mampu memberi kesan lebih buruk dari sudut kesihatan.

INFO

Kesan menghidu gam dalam tempoh enam bulan

Kesan kepada jantung

- Fungsi jantung menjadi lemah akibat otot jantung terganggu kerana kesan kimia yang amat tinggi pada gam.
- Saluran darah terganggu dan rosak.

Antara tanda sakit jantung

- Terasa amat sakit pada dada.
- Sakit berpanjangan (lebih 20 minit).
- Sakit bersifat menghempak atau panas terbakar dan bukan bersifat mencucuk.
- Berpeluh.
- Muntah.
- Sakit yang merebak sampai ke rahang gigi bawah, bahu kiri dan tangan kiri.
- Sakit yang mula baik ketika rehat dan bertambah teruk ketika melakukan aktiviti berat.
- Pengsan.

Kanser hati


- Disebabkan hati yang rosak, pengaliran hempedu dari hati ke salur hempedu tidak dapat berlaku dan menyebabkan hempedu yang sepatutnya dialirkan ke usus tidak dapat disalurkan.
- Selain itu, hati sudah tidak dapat berfungsi menghasilkan albumin sejenis protein dalam darah.
- Hati yang rosak boleh menyebabkan aliran darah ke hati terganggu dan banyak darah terpaksa melalui jalan lain untuk kembali ke jantung.

Kerosakan otak

- Menyedut gam secara berterusan mengakibatkan kerosakan sel kimia dalam otak.
- Kegagalan otak berfungsi secara normal menyebabkan berlaku simptom seperti nyanyuk, hilang ingatan, psikotik atau gila, hilang upaya deria dan kelumpuhan pada bahagian tertentu.

Kegagalan paru-paru

- Paru-paru adalah organ pernafasan utama. Udara akan masuk ke rongga pernafasan dari mulut sehingga ke liang udara kecil pada paru-paru (alveoli).
- Pesakit yang mempunyai kegagalan pernafasan separa biasanya akan mempunyai kandungan pH yang tinggi (alkali/alkalosis) CO₂ yang rendah, kandungan O₂ yang rendah/normal dan kandungan bicarat bonat yang rendah.
- Kegagalan paru-paru berfungsi dengan baik menjadikan bekalan oksigen dalam badan berkurangan.
- Akibatnya, otak akan kekurangan oksigen, selain otak memberi arahan kepada paru-paru untuk meningkatkan kadar pernafasan (tank dan hembus nafas seminit akan meningkat).




Kerosakan buah pinggang

- Kegagalan buah pinggang kronik berlaku apabila buah pinggang secara tidak dapat menghasilkan air kencing (Glomerular Filtration Rate kurang daripada 15ml/min/1.73m², iaitu penyakit buah pinggang kronik).
- Penyakit buah pinggang kronik dan kegagalan buah pinggang kronik.

Gangguan sistem saraf manusia

- Sistem saraf manusia terdiri dari jutaan sel yang saling berhubungan.
- Gangguan sistem saraf mengakibatkan gejala penyakit yang serius pada organ dalam manusia seperti gangguan otak, serangan angin ahmar dan alzheimer.
- Perbuatan menyedut gam juga boleh menyebabkan kegagalan sistem saraf akibat kandungan gam yang membahayakan.
- Kemerosotan daya ingatan.
- Sakit mental.



GRAFIK: ROSLI AMAN/BH

Keracunan/ketoksikan otot jantung yang menyebabkan **denyutan jantung menjadi tidak normal.**

- **Sukar bernafas** dan lemas.

- **Kemalangan** disebabkan oleh khayal.

⊙ **Kesan jangka panjang**
- **Ketidakkampuan untuk berfikir** secara logik dan waras.

- **Keletihan.**

- **Pelupa.**

- **Gangguan emosi.**

- **Kekurangan pembentukan sel darah** di dalam tulang sum-sum.

- Membawa kepada **penggunaan dadah yang lebih serius** seperti ganja dan heroin.

⊙ **Rawatan**

- **Tiada rawatan** untuk berhenti menghidu gam.

- **Rawatan diberikan** untuk masalah kesihatan/komplikasi disebabkan menghidu gam.

⊙ **Pencegahan**

- **Elak daripada mencuba menghidu gam.** Jika ada masalah, berbincang dan cari jalan penyelesaian.

- Perbuatan menghidu gam **tidak akan menghilangkan masalah,** malah membawa kepada masalah mental dan fizikal yang lebih serius.

Malah, beliau mengakui perbuatan menghidu gam jauh lebih buruk berbanding penyalahgunaan dadah kerana ia mampu merosakkan organ dalam badan dalam tempoh singkat.

Katanya, perbuatan menghidu gam yang mengandungi sejenis karbon polyaromatic sama ada melalui mulut atau hidung boleh mengakibatkan rasa khayal dan halusinasi, selain kesan sama seperti meminum minuman beralkohol.

Rosak otak secara kekal

“Selain boleh merosakkan otak secara kekal, menghidu gam boleh mengakibatkan kerosakan saraf, jantung, buah pinggang, paru-paru dan hati.

“Apa yang membimbangkan, kebanyakan kes yang dirujuk ke hospital memabitkan kanak-kanak dan remaja. Kebanyakan mereka sudah pada tahap kronik,” katanya kepada BH.

Mengambil beberapa contoh kes yang dirujuk di PPUM sebelum ini, Mohamad Hussain, berkata pihaknya pernah menerima pesakit kanak-kanak berusia 10 tahun yang sudah pada tahap kronik akibat ketagih menghidu gam.


Beliau berkata, kes memabitkan penghidu gam sudah berlaku sejak 20 tahun lalu dan kebanyakannya memabitkan kanak-kanak dan remaja.

“Kalau kita lihat, trend penghidu gam ini tetap sama sejak 20 tahun lalu, yang mana 99 peratus kes memabitkan penghidu gam

adalah kanak-kanak dan remaja.

“Masalah ini kerap berlaku di kawasan pedalaman dan estet. Di bandar, ia sering memabitkan kanak-kanak dan remaja yang menetap di flet perumahan kos rendah,” katanya.

Beliau mengakui faktor pergaulan dan krisis kehidupan antara penyumbang kes ketagihan menghidu gam dalam kalangan generasi muda, sebelum kebanyakannya beralih kepada dadah.



INFO

Kesan buruk

⊙ Mengalami **masalah mental** (kerosakan otak secara kekal).

⊙ **Kerosakan saraf.**

⊙ **Kegagalan jantung.**

⊙ **Masalah paru-paru.**

⊙ **Masalah buah pinggang.**

⊙ **Penyakit hati.**

⊙ Mengesan individu **penghidu gam:**

- **Mulut berbau gam.**

- **Kesan melekit** pada tangan atau pakaian.

- **Tanda kemerahan** di sekitar bibir.

⊙ **Fakta penghidu gam:**

- Kebanyakan **kanak-kanak seawal usia 10 tahun** hingga remaja.

- Memabitkan kanak-kanak dan remaja di **pedalaman atau yang menetap di kediaman kos murah** di bandar.

Katanya, berdasarkan kes yang dirujuk ke hospital sebelum ini, keluarga mengetahui aktiviti dilakukan anak mereka, tetapi tidak tahu prosedur untuk merujuk masalah ketagihan itu kerana tiada maklumat berkaitan seperti kes memabitkan penagihan gam.

“Malangnya, apabila sudah kronik seperti mengalami gangguan mental, baru ia dirujuk ke hospital tetapi sudah terlewat.

“Sebab itu, ibu bapa yang melihat ada tanda mencurigakan pada anak-anak seperti bau gam pada mulut, kesan melekit pada baju serta mempunyai tanda kemerahan di sekitar bibir, ia adalah konsisten kepada gejala menghidu gam,” katanya.

Tiada ubat khusus

Ditanya bentuk rawatan diberikan kepada individu ketagihan gam, Mohamad Hussain berkata setakat ini belum ada ubat khusus untuk mencegah masalah ketagihan gam, melainkan melihat dari sudut tahap kronik masalah ketagihan itu.

“Kecuali kalau pesakit sudah mengalami kesan sampingan mental akibat Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif (ADHD), kita akan memberi ubat antipsikotik untuk mencegah kerosakan otak dan mengelak daripada bertindak agresif.

“Sekiranya pesakit mengalami kemurungan, kita juga cuba memberikan sesi kaunseling,” katanya.



“
Sebab itu, ibu bapa yang melihat ada tanda mencurigakan pada anak seperti bau gam pada mulut, kesan melekit pada baju serta mempunyai tanda kemerahan di sekitar bibir, ia adalah konsisten kepada gejala menghidu gam”

Mohamad Hussain Habil,
Ketua Pakar Ketagihan dan Perunding Psikiatri di Jabatan Perubatan Psikologi PPUM